

Analisis Kritis Gaya Bahasa Perbandingan Puisi Usman Awang

Usman Awang's Use of Comparative Language Style: A Critical Analysis of His Poems

MUHARAM AWANG & *ZUBIR IDRIS

ABSTRAK

Kebanyakan kajian tentang kepenyairan Usman Awang lebih tertumpu kepada aspek tema, sementara yang ada menyentuh aspek bahasa tidak pula bersifat sistematik, dengan itu menimbulkan lompong yang ketara dalam kajian tentang puisi beliau. Dengan objektif untuk mengisi lompong tersebut serta menjentik minat terhadap aspek kebahasaan puisi Usman Awang, makalah ini menetengahkan persoalan relevan seperti identifikasi gaya bahasa, manipulasi bahasa tersebut, dan keberkesanan yang terhasil daripada manipulasi berkenaan. Kerangka analisis yang digunakan ialah Model Gaya Bahasa oleh Henry Guntur Tarigan, terutama gaya bahasa perbandingan, yang mengkategorikan empat bentuk bahasa berkaitan perbandingan iaitu perumpamaan, metafora, personifikasi dan antisipasi. Analisis mendapati Usman Awang memanfaatkan keempat-empat bentuk tersebut dalam sajak-sajaknya. Bersabit perumpamaan, selain mengguna perumpamaan sedia ada Usman Awang mencipta perumpamaan baru, lantas memperkenalkan kelainan yang segar dan bertenaga, sekali gus menghasilkan makna tambahan yang dihadirkan oleh kelainan tersebut. Metafora pula dimanipulasi dengan menempatkan bahasa biasa dalam konteks baru untuk membolehkan bahasa tersebut menggugurkan makna lazimnya sejajar menyerap makna baharu, dengan itu memperluaskan makna sajak-sajaknya. Pemanfaatan personifikasi pula membolehkan objek untuk membikin makna, membina suasana serta menyampaikan mesej guna memperluaskan cakupan sajak untuk meneroka isu-isu sensitif atau terlarang. Usman Awang menggunakan ciri antisipasi yang mampu mendahului atau menduga sesuatu untuk melebarkan jangkauan sajaknya apabila gambaran realiti masa kini dan masa depan dihadirkan secara serentak, di samping menjadikannya penyata mesej sajak-sajaknya. Selain manipulasi bahasa, analisis juga mendapati Usman Awang memperkayakan sajak-sajaknya dengan khazanah tradisi Melayu, hatta sajaknya bersifat moden. Kajian sistematik makalah ini diharap dapat mengisi lompong dan menjentik minat dalam kerja-kerja keserjanaan tentang puisi Usman Awang.

Kata kunci: Bahasa; perumpamaan; metafora; personifikasi; antisipasi

ABSTRACT

Most studies on Usman Awang's poetry are focused on themes, while those that touch on his language are not systematic, thus creating a significant gap in the study of his poems. With its objective to fill this gap and engage further interest in Usman Awang's language usage, this paper highlights relevant issues such as identification of language style, manipulation of language used, and the effectiveness of such manipulations. The analytical framework used is Henry Guntur Tarigan's Language Style Model particularly the four language forms related to comparison namely simile, metaphor, personification and anticipation. The analysis found that all four forms are present in Usman Awang's poems. He uses old similes and creates new ones to introduce unfamiliar elements that are forceful and refreshing in order to generate new meanings for his poems. His use of metaphors allows everyday language to shed its regular meanings and absorb new ones, thereby extending its semantic reach. His use of personifications allows objects to create meanings, develop atmosphere and convey messages, as well as explore sensitive or forbidden issues. He uses anticipation's property of foreshadowing and preceding to depict present and future realities simultaneously, thereby widening his poems' reach and forcefully convey his messages. The analysis also found that Usman Awang avails himself of Malay traditional heritage to enrich his poems although the latter are modern. This article's systematic study is expected to fill the gap and engage interest in scholarly works on Usman Awang's poetry.

Keywords: Language; simile, metaphor, personification; anticipation

PENGENALAN

Usman Awang (seterusnya Usman), Sasterawan Negara ketiga, menghasilkan karya dalam pelbagai genre sastera seperti drama, cerpen, novel dan puisi, namun kepengarangan serta nama beliau lebih dikenali melalui genre puisi. Hal ini umpamanya dapat dilihat pada *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara* (1983: halaman kandungan) yang memberi tumpuan yang lebih kepada puisi-puisi beliau daripada genre tulisan yang lain. Begitu juga, kajian dan perbincangan tentang Usman lebih tertumpu kepada puisi beliau berbanding genre lain yang beliau tangani. Puisi Usman sering berlegar kepada perihal kehidupan masyarakat sekeliling terutama keluh kesah mereka yang hidup melarat, tertindas dan terpinggir. Hal ini tidak menafikan wujudnya isu-isu yang bersifat universal yang disentuh, namun fokus beliau lebih menjurus kepada masyarakat marhaen atau bawahan sehingga beliau diberi jolokan “Penyajak Rakyat” dan “Pejuang Kemanusiaan”. Sehubungan dengan puisi beliau, kajian sering tertumpu kepada tema-tema yang diangkat oleh Usman, yang dianggap begitu mesra rakyat kerana membela nasib mereka dan menyanjung kecekalan perjuangan mereka untuk terus hidup hatta dalam keadaan penuh pancaroba. Perihal bahasa Usman yang digunakan untuk menyampaikan tema-tema tersebut juga disentuh oleh pengkaji tetapi hal ini selalunya diperkatakan dalam konteks keberkesanannya mengetengahkan tema-tema berkenaan.

Tegasnya, tema lebih mendapat perhatian sementara bahasa Usman, walaupun diakui berkesan, bersahaja, mudah difahami dan indah, tidak pula diteliti secara sistematik dan mendalam. Hal ini meninggalkan lompong yang ketara dalam pengajian, pemahaman serta penghayatan Usman sebagai penyair tanah air yang tersohor. Justeru, kajian ini bertujuan untuk memenuhi lompong tersebut dari aspek yang tertentu, yang akan dibincangkan selanjutnya. Kajian sistematik bahasa Usman seperti yang diusahakan oleh kajian ini adalah signifikan dan relevan kerana akan membantu menyerlahkan kekuatan Usman serta memperdalamkan penghayatan keberkesanan puisi beliau selaku suara rakyat yang perlu didengari. Dengan itu juga, ketokohan Usman dapat dipertanggungjawabkan secara objektif kerana disandarkan kepada bukti dalaman puisi-puisi beliau yang kesemuanya dihujahkan secara ilmiah.

SEKILAS LATAR BELAKANG
USMAN AWANG

“Saya ibarat anak seluang, hanyut dilambung ombak ke samudera luas.” Begitulah Usman menggambarkan dirinya dalam ucapan penerimaan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan yang dianugerahkan oleh Universiti Malaya kepada beliau pada 11 Ogos 1983. Seperti yang diketahui umum, seluang ialah ikan air tawar yang saiznya lebih kecil daripada bilis dan sering menjadi mangsa bahaman ikan yang lebih besar. Begitulah keprihatinan Usman terhadap latar belakangnya yang dilahirkan dan membesar dalam keluarga nelayan miskin di sebuah kampung pedalaman di Kuala Sedili, Johor, semasa negara masih dijajah kolonial Inggeris. Sedari kecil beliau telah kenal penderitaan para nelayan mengharung lautan lepas yang kerap bergelora untuk mencari rezeki bagi keluarga tercinta. Justeru, beliau sangat akrab dengan kisah getir kehidupan golongan marhaen yang terus beliau kenali dan gauli sepanjang hayatnya. Latar ini juga memupuk dalam dirinya satu hasrat menjulang untuk membebaskan diri dan masyarakatnya daripada kemiskinan dan kehinaan ditakluki di bumi sendiri. Dengan kelulusan darjah enam sekolah Melayu, Usman mencuba nasib dalam beberapa pekerjaan dengan pulangan gaji yang tidak seberapa tetapi menimba pengalaman yang mengejapkan kesedarannya tentang kemelatan dan kedaifan yang terus mengulit diri, keluarga, jiran tetangga dan masyarakat. Bagi Usman, cengkaman kemiskinan ini wajar dihadapi dengan semangat juang yang kental. Justeru, sajak-sajak beliau adalah perpanjangan daripada semangat juang ini sehingga beliau dikenali sebagai “Penyair Rakyat” dan “Pejuang Kemanusiaan.”

Sejak di bangku sekolah lagi Usman telah menunjukkan minat terhadap bahasa dan kesusasteraan. *Ilmu Mengarang Melayu* (1965) oleh Za’ba adalah antara buku yang menjadi telaaahnya. Perkenalan beliau dengan tokoh-tokoh seni dan sastera tempatan seperti Keris Mas, Jamil Sulong dan Jymy Asmara, serta keterlibatan beliau dalam persatuan berkaitan sastera dan penulisan, mengejapkan tekad beliau untuk mencorakkan kerjaya menurut minat dan cintanya terhadap bahasa dan kesusasteraan. Justeru, pada Januari 1951 beliau meninggalkan jawatan kerajaan yang disandangnya dan mula bergiat sepenuh masa dalam bidang kewartawanan dan kesusasteraan, khususnya penulisan. Antara jawatan yang disandang ialah

pembaca prof di akhbar *Melayu Raya*, Pembantu Pengarang *Mingguan Raya*, dan di *Utusan Melayu* sebagai Penolong Pengarang *Utusan Kanak-kanak* di samping mengendali *Utusan Zaman* dan *Mastika*. Beliau tersingkir dari jawatannya di *Utusan Melayu* lanjutan mogok pekerja-pekerja akhbar tersebut pada 1961. Beliau kemudian bertugas di Penerbitan Federal, dan setahun kemudian menjejak kaki ke Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Pengarang *Dewan Bahasa*, *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Budaya*. Beliau kemudian dilantik sebagai Pegawai Penyelidik Kanan, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, dan pada tahun 1982 sebagai Ketua Bahagian tersebut sehingga bersara pada bulan Julai 1985 (Mohd Thani Ahmad, Sarah Sadon & Suhaimi Haji Muhammad 1988: 623).

Usman juga terlibat secara aktif dalam persatuan-persatuan penulisan. Antara yang terpenting ialah ASAS 50 yang beliau sertai pada 1951 dan menjadi Setiausaha Satunya dari 1956 hingga 1957. Sesuai dengan tekadnya untuk membela golongan bawahan, Usman menganut slogan “Seni Untuk Masyarakat”, iaitu slogan yang banyak mempengaruhi perkembangan penulisan di tanah air untuk dekad seterusnya. Selepas ASAS 50, Usman menyertai Persatuan Penulis Nasional (PENA) yang ditubuhkan pada 12 Februari 1961 dan dilantik Ketua Satu sehingga tahun 1965. Pada tahun 1970, beliau turut serta dalam penubuhan GAPENA (Gabungan Persatuan Penulis Nasional) yang sama-sama bertujuan untuk memaju dan mempertingkatkan martabat penulisan.

Ketokohan Usman membawa beliau keluar negara apabila beliau diundang untuk menghadiri seminar di samping mendeklamasi sajak-sajaknya. Antara institusi yang dilawati dan kegiatan yang disertainya ialah ‘International Visitors Program’ di Amerika Syarikat, Pertemuan Penulis Antarabangsa di Moscow, Rusia, ‘Puisi ASEAN’ di Jakarta, dan sidang Parlimen Pertama Palestin di Algeria. Beliau juga melawat School of Oriental and African Studies, London, dan berkunjung ke China, Jepun, Korea dan sebagainya. Sajak-sajaknya juga diterjemahkan ke bahasa asing.

Selain undangan melawat negara luar, beliau juga diberi pelbagai penghormatan seperti Pejuang Sastera (1976), SEA Write Award daripada kerajaan Thailand (1982), Ijazah Doktor Kehormat dari Universiti Malaya (1983), Sasterawan Negara (1983), dan terakhir ‘Anugerah Penyair Johor’ (1995) dari kerajaan Negeri Johor.

Pada 29 November 1971, Usman atau lebih dikenali dengan nama pena “Tongkat Warrant” yang dilahirkan pada 12 Julai 1929 kembali ke rahmatullah pada usia 72 tahun. Sepanjang hayatnya, beliau menghasilkan 365 buah sajak bermula dari sajak pertama ‘Korban Tanah Air’ (1948) hingga sajak terakhir bertajuk ‘Melayu’ (1996).

KAJIAN LEPAS

Seperti yang telah disentuh secara sepintas lalu, kajian terhadap puisi Usman lebih memberi perhatian kepada tema yang digarap. Malah, disebabkan tema-temanya yang berupa pembelaan nasib golongan marhaen, Usman sering dirujuk sebagai “Penyajak Rakyat”, dan tema-tema seperti inilah yang menggamit pengkaji untuk memfokuskan kepada tema dan isu-isu dalam sajak beliau. Kajian seperti ini umpamanya, telah diusahakan oleh Aminuddin Mansor (2013) yang memberi tumpuan kepada unsur-unsur patriotisme seperti cinta terhadap tanah air, soal pertiwi, kemerdekaan, perjuangan kebebasan dan sebagainya. Sesuai dengan tumpuan kajiannya kepada tema, perihal bahasa hanya dirumuskan sebagai bahasa puitis yang tersirat pelbagai makna. Begitu juga dengan tesis Azman Rahmat (2016) yang menyingkap tema kemanusiaan secara tekal berlandaskan pengalaman dan pemerhatian mendalam Usman sendiri. Azman kurang menyentuh tentang kepuitisan bahasa sajak-sajak yang dikajinya.

Ternyata perbincangan tentang bahasa rata-rata tidak terserlah sebagai kajian yang sistematik, berkaedah, terfokus, dengan hujah-hujah yang disandarkan kepada bukti-bukti dalaman karya yang dikaji. Perbincangan lebih berupa apresiasi kemampuan Usman mengguna bahasa yang mudah tetapi berkesan tanpa banyak perbincangan mendalam tentang manipulasi-manipulasi bahasa serta impak dan keberkesanan manipulasi tersebut, dengan itu menjadikan perbincangan tersebut hadir sebagai kenyataan-kenyataan umum tentang bahasa. Zurinah Hassan (1990) umpamanya, mengakui bahasa Usman menarik, dan dari segi tersebut telah berjaya memperlihatkan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara yang hebat. Namun, kajian beliau lebih tertumpu kepada tema-tema sajak Usman yang banyak berlegar pada isu-isu penjajahan dan kemerdekaan tanah air, kemiskinan, penindasan, penyatuan kaum untuk kemakmuran negara dan usaha-usaha mencari kepimpinan

baharu bagi mentadbir negara ke arah keamanan dan kesejahteraan hidup penduduk. Tumpuan sedemikian mengetepikan aspek bahasa yang sangat penting dalam kajian kepenyairan seseorang penyajak. Begitu juga halnya dengan pengkaji-pengkaji lain yang turut menyentuh aspek bahasa Usman tetapi dalam bentuk yang tidak sistematik dan tidak pula dipasakkan kepada kerangka yang utuh sebagai landasan rungsaian dan penilaian. Dinsman (1995), yang memperkatakan perihal bahasa Usman, lebih menyuarakan pengamatan-pengamatan beliau tentang kehadiran bahasa yang indah, kemas, padat dan bertenaga tanpa disokong huraian mantap dan terancang. Tidak jauh berbeza ialah kajian Dharmawijaya (1998:46) yang lebih terfokus kepada struktur fizikal atau bentuk luaran yang meliputi rangkap, baris dan penjodohan bunyi. Selain itu, Dharmawijaya juga melihat aspek bukan bahasa seperti aliran seni yang ketara dalam sajak-sajak Usman yang dikatakan telah dilikatkan oleh Usman daripada realisme biasa (1954) kepada realisme sosial (1974) seperti yang terdapat dalam sajak "Pak Utih 2".

Sehubungan itu, Rahman Shaari (2013) dalam tulisannya 'Gaya dan isi puisi Usman Awang', membuat pengamatan tentang sikap Usman yang tidak melepaskan dunia tradisi hatta sajaknya berpijak di bumi nyata kontemporari. Rahman juga menyimpulkan bahasa Usman adalah romantis dan merupakan pancaran kelembutan pekerti dan senyuman Usman sendiri. Berbanding pengkaji lain, kajian Muhammad Haji Salleh (1997) lebih banyak memperkatakan perihal bahasa Usman yang dikatakan bersifat tersendiri. Menurut beliau, gubahan bahasa, pemilihan diksi yang sesuai dan rentak bunyi yang indah-indah adalah antara sebab sajak-sajak Usman menarik dibaca atau didengari. Namun, seperti halnya dengan kajian tentang bahasa, kajian beliau juga tidak dilandaskan kepada kerangka yang utuh dengan pengkaedahan analisis yang jelas. Begitu juga, kajian Muhammad turut mengarah kepada isu-isu hubungan antara kaum serta nasib insan-insan kerdil dan daif yang diperjuangkan oleh Usman tanpa takut atau gentar.

Tinjauan kajian lepas jelas menunjukkan minat yang lebih tertumpu kepada tema sajak-sajak Usman berbanding bahasa yang digunakan untuk mengungkap tema-tema tersebut. Kajian-kajian yang menjurus kepada bahasa Usman, rata-ratanya kurang memperlihatkan analisis yang mantap lantaran jarang dipandu oleh kerangka yang jelas, tuntas dan berkaedah. Dalam konteks inilah kajian

ini signifikan kerana ia terfokus kepada aspek bahasa, yang tertentu pula sifatnya, dan dipandu selia oleh kerangka analisis yang jelas cara dan matlamatnya. Kelainan kajian ini mampu membantu membina korpus kepustakaan Usman. Lebih penting lagi, ia memberi pencerahan kepada aspek bahasa yang menjadi tunjang dan senjata ampuh seorang penyair.

METODOLOGI KAJIAN

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, kajian ini berhasrat untuk mengisi lompong tentang kajian terhadap gaya bahasa Usman. Untuk itu, kajian ini memilih teori Henry Guntur Tarigan (seterusnya Tarigan) sebagai kerangka panduan analisis. Di samping itu, pemikiran beberapa sarjana tersohor turut dimanfaatkan guna memantapkan lagi kerangka analisis yang bakal diguna pakai. Teori ini dipilih kerana kesesuaiannya untuk menyerlahkan beberapa perkara yang menjadi persoalan relevan dalam kajian ini. Antaranya ialah bentuk gaya bahasa yang terserlah, manipulasi bahasa berkenaan, dan seterusnya keberkesananannya dalam penghasilan puisi. Tarigan (1983) mendefinisikan puisi sebagai karangan berangkap bagi melafazkan dan melukiskan fikiran yang cantik menerusi bahasa yang indah. Sehubungan itu, puisi disusun dengan keratan rangkap yang berjodohan bunyi, rentak, rima mahupun isinya mengikut timbangan dan sukatan tertentu. Sesuai dengan pemahaman tersebut, Tarigan menyenaraikan empat gaya bahasa yang menurut beliau mampu berfungsi untuk memperindah dan memantapkan puisi. Empat gaya bahasa tersebut ialah Gaya Bahasa Perbandingan, Gaya Bahasa Perulangan, Gaya Bahasa Pertentangan dan Gaya Bahasa Pertautan. Kajian puisi-puisi Usman menunjukkan pemanfaatan keempat-empat Gaya Bahasa berkenaan. Namun bagi kajian ini, perihal penggunaan Gaya Bahasa Perbandingan sahaja yang akan diteliti. Bersabit perkara ini, dan merujuk kepada kedudukan perbandingan dalam penghasilan puisi, seorang sarjana Indonesia, Situmorang (1981) juga sependapat dengan Tarigan bahawa hampir keseluruhan genre puisi adalah berlandaskan unsur perbandingan yang seimbang. Ternyata perbandingan dan juga keseimbangan merupakan perkara penting dalam penghasilan puisi. Seterusnya, Tarigan memperhalus penjelasannya tentang Gaya Bahasa Perbandingan dengan menyenaraikan empat bentuk bahasa yang bernaung di bawahnya iaitu perumpamaan, metafora, personifikasi dan antisipasi, masing-masing dengan

takrif dan pengertiannya sendiri, seperti yang akan dilihat nanti. Keempat-empat bentuk ini akan diteliti dalam kajian ini dengan menggunakan beberapa sedutan tertentu daripada beberapa puisi pilihan Usman sebagai data analisis.

ANALISIS DAN DAPATAN

Seerti yang dinyatakan sebelumnya, kajian ini akan menumpukan perhatian kepada Gaya Bahasa Perbandingan dalam puisi Usman. Sesungguhnya, gaya bahasa inilah yang menjadi prioriti Usman dengan penggunaan keempat-empat bentuk yang diperkatakan itu. Perbincangan seterusnya akan dimulakan dengan meneliti penggunaan perumpamaan terlebih dahulu, diikuti oleh metafora, kemudian personifikasi dan terakhir antisipasi.

PERUMPAMAAN

Hashim Awang (1997:74) mengatakan bahawa perumpamaan pada kebiasaannya didahului oleh perkataan yang menunjukkan perbandingan seperti “bagai”, “bak” dan “seperti”, yang rata-rata sering digunakan untuk tujuan memberi pengajaran. Za’ba (1965: 173) pula menjelaskan bahawa perumpamaan itu mempunyai dua lapis pengertian. Pertamanya pengertian luaran iaitu gambaran asal, sementara lapis kedua ialah maksud sebenar tentang sesuatu yang ingin disampaikan. Menurut Shaiful Bahri Md Radzi (2019: 140), berkait dengan perumpamaan yang sering menggunakan kiasan bagi menimbulkan suatu kesamaran yang seterusnya menzahirkan makna, sifat semula jadi motif (flora dan fauna, benda dan alam sekitar meliputi bentuk muka bumi dan fenomena alam) diambil kira agar berpadanan dengan perilaku yang cuba ditangani. Dalam konteks penulisan puisi, Usman menggunakan perumpamaan sebagai perbandingan terhadap perilaku manusia, agar sindiran yang diniatkan itu dapat disampaikan dengan cara berkias, berhemah dan berkesan. Hal ini bersesuaian dengan budaya Melayu agar bersopan dalam teguran bagi menjaga maruah seseorang. Penggunaan bahasa yang halus, berkias lagi berhemah ini digunakan secara santun yang mencerminkan budaya, cara hidup dan menyerlahkan keistimewaan jati diri masyarakat Melayu. Menurut Rosliah Kiting et al. (2022: 20), kata-kata kiasan ini mempunyai makna tersirat sarat dengan falsafah yang mampu meninggalkan kesan yang mendalam untuk menyampaikan sesuatu

mesej, selain melambangkan akal pemikiran masyarakat pemiliknya dalam menyampaikan pendidikan. Berhubung perkara ini, Nirwana et al. (2017: 2) ada menyatakan bahawa “Apa yang mereka tuturkan menggambarkan pemikiran dan kehidupan mereka. Kos kata yang mereka gunakan menyerlahkan hakikat kehidupan mereka, dan bagaimana idea diolah dalam pelbagai bentuk frasa dan ayat, mencerminkan jati diri mereka”.

Sehubungan ini, seawal 1950 lagi Usman telah menyelitkan unsur perumpamaan ke dalam sajak ‘Kuala Sedili’ (1950:10-11) seperti yang tertera dalam fragmen dua bait berikut:

...
 Dari pemergian subuh-subuh sampai pulang
 Tanpa keluhan pada matahari dan laut menggaram,
 Selain wajah-wajah menggelepar dari kepahitan mendalam.

Tidak ada kesedihan, barangkali hanya kematian,
 Sebab dalam kesakitan mereka bisa mengemudi payang,
 Semua telah berpadu seperti air dan garam di lautan.

Dengan mengaplikasikan kerangka Tarigan dan dimantapkan dengan penjelasan sarjana-sarjana lain, bait di atas ini dapat dirungkai secara jelas. Pertama, dan berkaitan dengan makna utama puisi ini ialah rujukan kepada alam sekeliling, secara khusus matahari dan lautan pada subuh-subuh pagi. Perihal kecenderungan terhadap alam semesta tidak menghairankan kerana seperti yang diamati oleh Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna Wati Ahmad (2019: 29-39), alam merupakan sebahagian daripada kehidupan seniman dan menjadi sumber ilham yang penting. Kedua, penggunaan laut, waktu subuh dan air laut yang masin menggaram mampu menimbulkan rasa kedekatan (*sense of immediacy*) kerana perkara yang diperkatakan itu tidak janggal sebab ia bukan di luar, jauh atau terpisah daripada pengalaman mereka selaku nelayan. Ketiga, terdapat penggunaan perumpamaan yang mudah dari dua sudut: pertama dari sudut penggunaan perkataan “seperti” yang dengan jelas menunjukkan ia adalah perumpamaan; dan kedua ialah mudahnya perumpamaan yang digunakan (air dan garam) kerana ia digapai dari kehidupan seharian para nelayan. Keempat, ia melibatkan soal penempatan dan keseimbangan. Usman menempatkan perumpamaan tersebut di bahagian akhir bait berkenaan, iaitu setelah dijelaskan kepahitan hidup mereka selaku nelayan. Penempatan ini berfungsi sebagai rumusan kental tentang kehidupan mereka kerana perumpamaan tersebut memanfaatkan perkara yang sehati dengan kehidupan mereka sendiri dan yang memang mereka

selaku nelayan, faham dan geluti tiap hari iaitu air dan garam. Meneliti aspek makna pula, dan seperti yang dicontohkan oleh Za'ba (1965), di tahap literal perumpamaan tersebut memberi gambaran nelayan yang keluar pada waktu subuh, dengan pukat payang mereka untuk menangkap ikan. Di tahap yang lebih dalam lagi, penggunaan perumpamaan berkenaan menjadikan gambaran tersebut lebih berkesan sebab maksud tersirat kepahitan hidup mereka terserlah dengan jelas kerana, seperti juga air dan garam, kegetiran tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan mereka, malah bergaul padu dan kental. Berhubung perkara ini, Hashim Musa et al. (2012: 169) ada mengatakan bahawa pengalaman asasi dan cara hidup yang dilalui dalam sejarah kehidupan akan membentuk peribadi seseorang, yang apabila disemai dan dipupuk melalui proses sosialisasi akan menghasilkan kebudayaan yang sempurna. Ternyata manipulasi bahasa yang dilakukan oleh Usman melalui perumpamaan mudah, yang seterusnya diseimbangkan pula dengan penempatan yang strategik dalam struktur sajak itu, menjadikan puisi ini berkesan dan indah.

Sajak "Gadis di Kuburan" (1953:12-13) juga memperlihatkan pemanfaatan perumpamaan:

Kenangan lama bermain di hati-
Pelukan dan kucupan kasih,
Tidak ada garisan tepi –
Kata dipadu, janji dikunci.

...

Datanglah lamaran ke ayah bonda,
Penuh khidmat junjung berduli
Tapi pemuda **emas sesaga**,
Tertolaklah lamaran, terurailah janji.

Sajak berkenaan menceritakan penolakan peminangan seorang pemuda miskin terhadap seorang gadis yang berdarjah tinggi. Berdasarkan teori Tarigan, manipulasi bahasa yang diperlihatkan oleh Usman dalam sajak tersebut dapat dikesani dan keberkesanannya difahami. Pertama, walaupun tidak didahului oleh perkataan "bagai", "seperti" dan seumpamanya, frasa "emas sesaga" mudah dikenali sebagai satu perumpamaan yang tidak asing bagi orang Melayu. Hal ini disebabkan emas memang menjadi timbang tara bagi kekayaan dan kedudukan tinggi khususnya dalam konteks masyarakat Melayu yang berhierarki. Apabila perkataan 'emas' tersebut disatukan dengan 'sesaga', maka nilai emas tersebut menurun ke tahap tidak seberapa kerana kecilnya

sukatan berat saga. Justeru, dengan memanipulasi dua patah perkataan yang dihadirkan sebagai perumpamaan, maksud nilai yang rendah dengan mudah dan cepat dapat ditanggapi. Kedua, dalam konteks puisi yang memperkatakan penolakan peminangan kerana status dan kedudukan yang berbeza, perumpamaan yang dihadirkan oleh Usman itu secara mudah menjelaskan betapa luasnya jurang antara pasangan berkenaan. Hal ini terserlah apabila Usman menceritakan terlebih dahulu kisah percintaan mereka dan kedudukan tinggi keluarga si gadis yang dikejapkan dengan ungkapan "junjung berduli". Dua perkataan tersebut (junjung dan duli), yang sering diasosiasikan dengan keluarga diraja dan keturunan bangsawan serta konotasinya yang tertentu pula, dipadukan untuk menambah ganda status gadis berkenaan. Dalam hal ini, Usman memanipulasi bahasa dengan mempertemukan "junjung duli" dengan "emas sesaga," yang kedua-duanya sarat dengan konotasi dan asosiasi masing-masing. Tanpa banyak perkataan, dan sesuai dengan tuntutan sajak yang memerlukan kepadatan makna dan ayat, perihal jurang terserlah dengan jelasnya. Ternyata, penggunaan perumpamaan yang disejajarkan dengan perbandingan (kaya/miskin, bangsawan/rakyat biasa), sangat berkesan untuk menggambarkan keadaan sosial pasangan tersebut, sekali gus mengharukan kerana pasangan berkenaan sudah pun memadu cinta. Ketiga, penggunaan perumpamaan tersebut dengan mudah membuka jalan bagi pengakhiran yang menyusul iaitu kekecewaan yang menyayat hati seperti yang dikejapkan dalam bait "Tertolaklah lamaran, terurailah janji". Keempat, penggunaan perumpamaan "emas sesaga" juga memberi nilai tambah kepada puisi ini kerana ia memungkinkan Usman untuk mengekalkan bentuk berirama pantun yang sangat terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu hingga kini. Berhubung perkara ini, "emas sesaga" dijadikan padanan bunyi bagi "bonda", dengan itu menyempurnakan dengan indah puisi ala pantun seperti berikut: Datanglah lamaran ke ayah **bonda**/ Penuh khidmat junjung berduli/ Tapi pemuda **emas sesaga**, Tertolaklah lamaran, terurailah janji.

Manipulasi bahasa seterusnya dapat dilihat pada sajak yang memperkatakan perihal perpaduan dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan bangsa, seperti tertera dalam bait-bait berikut daripada sajak "Sahabatku (1979:89-91)":

...
 Di klinikmu masih ku temui keramahan
 Ketika jantungku hampir dilumpuhkan
 Engkaulah pertama mendengar degupannya

...
 ...
 Aku dapat pula mendengar detak jantungmu

...
 Kehidupan baru untuk masyarakat baru
 Impian suatu bangsa merdeka
 Kebenaran dan keadilan yang sama
 Sebagaimana pesan nenek moyang:

**‘Hati kuman sama dicicah
 ‘Hati gajah sama dilapah’.**

Bilakah kita dapat memadamkan
 Perbezaan keturunan yang kian membakar kita
 Dan membiarkan curahan minyak yang kian menyala
 Oleh mereka yang sering bermuka dua?

Konteks sajak di atas ialah perihal Doktor Rajakumar, seorang doktor berbangsa India yang merawat Usman kerana sakit jantung akibat merokok. Seperti halnya dengan contoh-contoh di atas, Usman terlebih dahulu memerihalkan kesantunan dan layanan baik doktor tersebut sehingga terjalin kemesraan dan persahabatan antara keduanya. Namun, kemesraan berkenaan senantiasa dibayangi oleh rasa curiga dan cemburu yang mencirikan masyarakat majmuk Malaysia seperti yang tersirat dalam puisi ini dan menjadi pengetahuan umum masyarakat. Dengan bersandarkan teori Tarigan, kajian ini dapat mengenal pasti bahawa pada tahap ini, dalam puisi tersebut Usman memanfaatkan gaya bahasa perbandingan yang seterusnya memungkinkan sajak tersebut mendapat nilai tambah dan menjadikannya lebih berkesan khususnya bagi mesej yang hendak disampaikan. Bentuk gaya bahasa yang dimaksudkan ialah peribahasa Melayu yang sangat terkenal iaitu ‘Hati kuman sama dicicah/ ‘Hati gajah sama dilapah’. Seperti yang diketahui umum, peribahasa ini merujuk kepada keadilan dan pereratannya hubungan yang dicirikan oleh perkongsian yang saksama. Penggunaan peribahasa ini mampu memperkayakan sajak dari beberapa sudut. Pertama, seperti yang telah disinggung, pengertian peribahasa ini sangat sesuai bagi masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa, kaum, budaya dan agama, yang kerap diruntun oleh kecurigaan dan rasa tidak puas hati. Pemanfaatannya menjadi berkesan kerana ia adalah sebuah peribahasa yang diketahui umum, yang maksudnya juga difahami tanpa sebarang ambiguiti. Kedua, dengan penggunaan peribahasa tersebut, Usman telah membekalkan sajaknya

dengan gendungan yang bererti iaitu gendungan kelangsungan tradisi Melayu. Perihal tradisi ini terserlah dengan jelas pada ungkapan “pesan nenek moyang”, iaitu semacam ingatan kolektif (*collective memory*) orang Melayu yang menjadi kepunyaan bersama. Umum mengetahui tradisi orang Melayu yang ramah mesra dan tidak lokek untuk membantu mereka yang memerlukan. Malah, apabila orang Inggeris menakluki Tanah Melayu, kesantunan orang Melayu membuat para kolonial memberi gelaran “Nature’s Gentlemen” kepada orang Melayu. Selain pengertiannya yang terfokus kepada budi pekerti orang Melayu, peribahasa itu sendiri merupakan penggunaan bahasa yang indah dan bermakna, dengan itu memberi nilai tambahan kepada sajak Usman. Tambahan pula, maksudnya sangat cocok dengan situasi semasa dan hasrat yang diidamkan. Tegasnya, dengan penggunaan peribahasa tersebut Usman dapat menyimpulkan mesej sajaknya dengan padu. Selain itu, gendungan tradisi terserlah juga pada bentuk ala pantun dan rentak yang terhasil. Bentuk dan rentak tersebut menyumbang kepada daya estetik sajak berkenaan. Ketiga, peribahasa yang digunakan itu berfungsi sebagai pembahagi konkrit antara dua perkara berbeza iaitu pengalaman Usman sendiri yang disantuni dengan penuh hemah oleh Doktor India di satu pihak, dan realiti yang dicirikan oleh “pembakaran”, “minyak yang kian menyala” dan hipokrasi mereka yang berkuasa di pihak yang lain. Dengan menonjolkan peribahasa tersebut di tengah-tengah dua perkara bertentangan tadi, sajak memberikan penyerlahan yang ketara kepada mesejnya iaitu perlunya ditegakkan keadilan dan kesaksamaan dalam masyarakat. Pemanfaatan kerangka Tarigan membolehkan kajian untuk mengenal pasti gaya dan bentuk bahasa yang terdapat dalam sajak Usman, manipulasi bahasa beliau dari segi isian mesej, kesesuaian bentuk dan keindahan bahasa, di samping mengimbuai serta mengingatkan khalayak pembaca tentang tradisinya serta kekayaan tradisi tersebut.

Huraian dan contoh-contoh tersebut yang dianalisis menurut kerangka Tarigan memperlihatkan kepekaan Usman kepada tradisi yang turut disertakan dalam sajaknya, dengan itu membekalkan sajaknya dengan gendungan tradisi yang kaya terutama dari segi keindahan bahasa, bentuk dan irama. Turut terserlah ialah manipulasi lokasi perumpamaan untuk tujuan meraih kesan tertentu dari segi makna serta kejelasannya dalam sajak, dan juga bentuk dan irama serta rentak yang dihadirkan.

METAFORA

Metafora merupakan gaya bahasa perbandingan yang membandingkan dua perkara yang pada lazimnya tidak berkaitan; namun dalam perbandingan ini sifat dan ciri-ciri perkara pertama itu secara figuratifnya dipindahkan kepada perkara yang kedua. Tegasnya, ia adalah kiasan yang mempunyai makna lain daripada makna tersurat dan bersifat figuratif. Dinie Asyraf Salehan dan rakan (2018: 18) mengatakan metafora adalah salah satu cara untuk manusia memberikan bentuk lain kepada konsep yang diperhatikan dalam kehidupan. Berhubung perkara ini, Nor Hashimah Jalaluddin (2020: 199) dalam penulisannya ada mengatakan bahawa metafora ini terbentuk dengan adanya objek khusus yang mempunyai pertalian yang rapat dengan makna. Hal ini sejajar dengan pandangan Hassan Ahmad (dalam Abang Patdeli Abang Muhi 2018: 28) berkaitan dengan metafora yang mengatakan bahawa dalam sistem pemikiran, kaedah analogi sering digunakan untuk membentuk konsep yang abstrak dengan menggunakan kata-kata benda/nama yang diambil daripada alam flora dan fauna atau alam tabii sebagai domain sumber yang literal untuk membentuk makna baharu yang disebut domain sasaran.

Bersandarkan kerangka Tarigan, sajak Usman didapati memanfaatkan metafora dengan berkesan. Umpamanya, sajak “Gadis dan Ayat Suci” (1950:9) memerihalkan seorang gadis buta yang mampu mengalun ayat-ayat suci al-Quran dengan teratur dan baik, seperti berikut:

Suara yang manis dalam bisik daun-daun,
Beralun lagu Tuhan di sayap angin malam,
Redup menyusup di bawah langit bertirai sepi,
Gadis tetangga (simpatiku pada matanya yang buta),
Dari **sinar hatinya** membaca ayat-ayat suci.

Dalam memerihalkan gadis tersebut dan keistimewaannya, Usman dengan sengaja telah memanipulasi sebuah frasa biasa yang diketahui dan diguna umum iaitu “terang hati” yang sering dikaitkan dengan ketajaman otak. Namun, sesuai dengan persoalan yang ditangani iaitu kemampuan gadis yang tidak dapat melihat, Usman menukar “terang hati” kepada “sinar hati” untuk menambahkan dan mempertingkatkan cakupan makna frasa tersebut. Kini, perihal gadis buta yang secara lahiriah hidup dalam kegelapan sesungguhnya tidak bergelap kerana hatinya mempunyai sinar. Pertukaran ini serta tambahan cakupan makna yang terhasil daripada

pertukaran tersebut, tidak dirasakan keterlaluan kerana keyakinan orang Islam sendiri terhadap Kalamullah sebagai cahaya yang menerangi segala kegelapan. Begitu juga, maksud yang terkandung dalam “sinar hatinya” dapat diperluaskan lagi jika dikaitkan dengan soal iman apabila hati seorang hamba Allah tidak lagi tertutup gelap tetapi bersinar dengan ketakwaan.

Tidak seperti gadis suci yang buta dan oleh itu cacat fizikal dan lahiriahnya, sajak “Perempuan Malang” (1958:30) menceritakan perempuan yang tidak buta atau cacat lahiriahnya tetapi tetap gelap kehidupannya. Sajak tersebut mengisahkan seorang pelacur yang menjual dirinya kepada siapa jua yang melanggannya:

O perempuan malang yang membeban segala jalang,
Kau terima, rela atau tiada, dalam **hidup telanjang**,
Kau menyimpan segala himpunan keji manusia terpuji,
Kerana demikian hukum dunia manusia yang berbudi.

Bagi perempuan ini, tiada lagi hijab atau rahsia kerana maruahnya terdedah kepada semua secara total. Untuk menjelaskan keadaan tersebut, Usman menggunakan metafora “hidup telanjang”. Dengan berbuat demikian, Usman telah memindahkan keadaan bogel yang sering dikaitkan dengan tubuh fizikal kepada keseluruhan kehidupan perempuan itu sendiri. Pertukaran ini sekali gus memalitkan kehidupan perempuan berkenaan dengan segala asosiasi dan konotasi negatif dan jijik yang sering dikaitkan dengan keadaan telanjang. Kini, keadaan pahit perempuan tersebut bukan sahaja terhad kepada fizikalnya tetapi diperluaskan untuk turut merangkumi kehidupannya secara keseluruhan. Begitulah getir dan kejinya hidup seorang pelacur, dan gambaran ini ditangkap dan dimantapkan dengan jayanya oleh Usman melalui bahasa biasa yang dimanipulasi untuk menjadi metafora yang sarat dengan makna, yang jelas melampaui makna literal dua perkataan berkenaan. Tidak keterlaluan sekiranya kehidupan perempuan tersebut ditakrifkan sebagai kehidupan yang telah bankrap daripada segi moral, susila, adab dan iman.

Analisis sajak di atas menunjukkan kelincahan Usman menggunakan secara padat dua patah perkataan biasa tetapi dimanipulasi untuk menghadirkan makna yang jauh lebih besar dan mendalam daripada maksud harfiah perkataan tersebut. Hal ini memperkayakan sajak-sajaknya dengan makna, asosiasi dan konotasi yang lumayan dan berkesan.

PERSONIFIKASI

Menurut kerangka Tarigan, personifikasi bermaksud memberi sifat manusia kepada objek, konsep, atau benda yang tidak bernyawa. Dengan kata lain, personifikasi ialah sejenis kiasan yang meletakkan sifat-sifat insani kepada barangan yang tidak bernyawa (Tarigan 1985: 17). Sebagai contoh, ‘hujan **memandikan** tanaman’ dan ‘pepohonan **tersenyum** riang’ adalah personifikasi kerana perlakuan manusia “memandikan” dan “tersenyum” itu diberikan kepada hujan dan pepohon. Sebagai satu bentuk gaya bahasa, potensi personifikasi adalah besar kerana ia membolehkan objek-objek tidak bernyawa atau idea diperlengkap dengan sifat dan ciri manusia, dengan itu membuka laluan untuk objek-objek bertindak di luar batas kemampuannya sebagai objek yang kelu dan kaku. Kemampuan personifikasi ini serta kesan kemanfaatannya telah dimanfaatkan oleh Usman dalam sajak-sajaknya seperti yang akan dilihat nanti.

Pemanfaatan personifikasi serta manipulasinya dapat dilihat dalam sajak Usman bertajuk ‘Penjual Air Batu’ (1955:22) yang memerihalkan penjual daif yang mencari rezeki di tengah kota sibuk:

Pelan-pelan di pinggir jalan kota,
Penjual air batu **suaranya ditelan deru kereta**,
Ia biasa ditulikan dengan **pekikan hon-hon**,
Tuan-tuan yang terganggu bisa pula menghamun.

Suasana yang ingin ditimbulkan oleh sajak ini ialah hiruk pikuk serta kesibukan sebuah kota raya. Suasana ini perlu untuk dijadikan kontras atau *foil* kepada si penjual air batu yang secara perlahan menyusur kota tersebut dengan membatasi dirinya hanya di pinggir-pinggir sahaja, guna membangkitkan kekerdilan si penjual tersebut dalam keriuhan sebuah kota besar. Untuk menghebatkan suasana hiruk-pikuk ini, Usman telah membekalkan deruan kereta dengan ciri manusia yang boleh “menelan”, dengan itu menurutsertakan kereta, objek yang beku, dengan tenaga membuat bising luar biasa sehingga mampu menelan suara si penjual yang semestinya meninggikan suara untuk menarik perhatian para pembeli, hatta suaranya kalah dalam persaingan kerana ditelan oleh deruan kereta. Kini suasana kota tersebut bukan sahaja diriuhan oleh manusia penghuninya tetapi juga oleh objek beku yang telah diberi nyawa oleh Usman melalui personifikasi. Manipulasi gaya bahasa sedemikian mampu memperluaskan realiti fizikal kota tersebut apabila hiruk pikuk yang terhasil ialah gabungan perbuatan manusia dan objek.

Pemanfaatan personifikasi serta manipulasinya juga terdapat pada “pekikan hon-hon”. Sama seperti deruan kereta, Usman telah membekalkan suara nyaring, kuat dan memekakkan kepada objek kaku hon-hon, guna meningkatkan lagi keriuhan yang sedia ada. Dengan penggunaan personifikasi ini, Usman telah menjadikan hon-hon kenderaan sebagai agen pemekak telinga hingga boleh menulikan, yang kehadirannya memberi nilai tambah kepada gambaran realiti sebuah kota yang sibuk dan bingit.

Selain pemanfaatan personifikasi, penempatannya juga dimanipulasi untuk meraih kesan yang maksimum. Justeru, personifikasi dimuatkan dalam sajak tersebut secara berturut-turut dan rapat letaknya iaitu pada baris kedua dan ketiga, guna memberi gambaran tidak terhindarnya riuh-rendah tersebut kerana datangnya bertalu-talu, berterusan dan bersambutan. Dengan manipulasi sedemikian, Usman melikatkan lagi suasana bising yang telah dibina. Begitu juga rentak ala pantun yang dicapai melalui personifikasi “deru kereta” dan pekikan hon-hon.” Di satu pihak ia memudahkan sajak ini untuk diingati kerana proses peringatan dibantu oleh rentak berkenaan. Di pihak yang lain dan lebih penting lagi, rentak ini menjadi semacam *refrain* atau ulangan, yang tetap kemunculannya, guna memajukan sajak secara tetap dan pasti kepada pengakhirannya, yang juga berbentuk ala pantun, dengan mesejnya yang tertentu pula, seperti yang akan dilihat dalam bait dan penjelasan seterusnya.

Seperti yang telah dijelaskan, si penjual air batu diletakkan dalam tempat dan suasana sedemikian untuk bertarung demi menjaja jualannya. Personifikasi dan penempatan strategik seperti yang dijelaskan itu menzahirkan satu ironi yang cukup ketara, sesuai dengan gambaran penjual air yang kerdil di tengah-tengah lautan kenderaan yang agresif dengan deruan dan honnya. Ironinya, manusia yang semula jadi dibekalkan oleh Ilahi dengan suara kini tewas pada objek-objek yang semula jadinya bisu. Dalam konteks ironi ini, dan pilunya ketewasan yang dialami si penjual air, Usman memantapkan mesej sajaknya:

Bilakah ruang keadilan memberi isi,
Para penjaja dalam hayatnya wajah berseri?
Bila nanti undang-undang jadi perlindungan,
Semua manusia tanpa kasta menerima keadilan.

Berlatarbelakangkan hiruk-pikuk dan bising bingit itu, sajak ini bangkit untuk *menyuarakan* dengan lantang dan jelas perlunya keadilan khususnya bagi mereka yang kerdil seperti si penjual air batu.

Personifikasi serta manipulasinya juga tertera dengan jelas dalam sajak Usman berjudul “Ke Makam Bonda” (1956:23-24) khususnya melalui pohon dan bunga kemboja. Sajak ini merakamkan ziarah si anak ke makam ibunya:

Kami mengunjungi pusara bonda,
Sunyi pagi disinari suria,
Wangi berseri puspa kemboja,
Menyambut kami mewakili bonda.

...

Bibir bonda bersih lesu,
Pernah dulu mengucupi dahiku,
Kini kurasakan kasihnya lagi,
Meski jauh dibatasi bumi.

...

Senyum kemboja menghantar kami,
Meninggalkan makam sepi sendiri,
Dmailah bonda dalam pengabdian,
Insan kerdil menghadap Tuhan.

Berdasarkan petikan sajak ini, perlu difahami kedudukan pohon dan bunga kemboja dalam konteks masyarakat Melayu. Secara umum, adalah menjadi adat dan kebiasaan masyarakat Melayu untuk menanam pohon kemboja di tanah perkuburan. Selain menjadi penghias kuburan, ia dilihat sebagai simbol kasih sayang berpanjangan serta ingatan berterusan di pihak yang masih hidup terhadap si mati. Ia juga diibaratkan sebagai wakil peribadi yang fungsinya ialah menyambut dan menghantar pulang sesiapa jua yang menziarahi makam. Begitulah halnya dengan pohon kemboja di perkuburan si ibu dalam sajak berkenaan. Bagi penyair sendiri, sajak berkenaan sungguh bererti kerana Usman kehilangan ibunya semasa kecil lagi iaitu pada umur lapan tahun lebih. Tambahan lagi, untuk sekian lamanya beliau tidak berkesempatan untuk menziarahi makam bondanya. Berlatarbelakangkan hal tersebut, maka tidak hairanlah apabila Usman memanfaatkan personifikasi sepenuhnya untuk menghidupkan kisah ziarah ke makam bonda.

Dalam sajak tersebut, Usman memanfaatkan sepenuhnya adat kebiasaan orang Melayu terhadap pohon dan bunga kemboja, secara khusus fungsinya sebagai wakil si mati. Justeru, boleh dijangka apabila dalam sajaknya itu Usman membekalkan kemboja dengan sifat dan ciri manusia lantaran cocoknya gaya bahasa ini dengan kepercayaan orang Melayu sendiri. Justeru, dalam konteks kesyahduan ziarah ke makam bonda, kemboja selaku wakil si mati, menyediakan dirinya dengan wangian untuk ‘menyambut’ kedatangan si anak dengan penuh kegembiraan seperti halnya ibu menyambut kedatangan anak yang lama tidak ditemuinya.

Begitu juga, si anak ‘dihantar’ oleh kemboja apabila ia pulang, dan ini dilakukan dengan senyuman. Seperti lazimnya, orang Melayu tidak membiarkan tamunya meninggalkan rumah tanpa dihantar secara hormat, iaitu amalan yang sering dikenali sebagai ‘beransur’, yang bermaksud tamu tidak meninggalkan rumah secara mendadak tetapi secara beransur dan dihantar dan diiringi pula oleh tuan rumah hingga ke jalan/kereta atau sebagainya.

Pemanfaatan personifikasi ini membolehkan Usman untuk memindahkan kepada bunga amalan penghormatan terhadap orang yang bertandang sepanjang kunjungannya itu iaitu semasa ia datang (disambut dengan mewangikan diri) sehinggalah ia pulang (dihantar dengan senyuman). Ternyata, kemboja jelas ‘dimanusiakan’ dalam sajak ini dan memainkan peranan persis sebagai tuan rumah atau wakilnya.

Dengan memanipulasi personifikasi sedemikian rupa, Usman telah menghadirkan satu ironi yang cantik dan cocok. Ironinya ialah dalam konteks si mati yang sudah tidak bernyawa lagi, etika penziarahan masih tetap terjaga dengan tertibnya. Hal ini dimungkinkan oleh penggunaan personifikasi dan manipulasinya yang bijaksana dan berkesan, yang tidak pula terasa janggal kerana ia disokong oleh kelaziman orang Melayu serta adat resamnya tentang bertandang atau berziarah.

Ternyata gaya bahasa personifikasi serta manipulasinya dalam sajak Usman telah memperkayakan sajak-sajaknya dengan meningkatkan intensiti realiti yang dilukiskan dan suasana yang dibangun. Hal ini disinggung Usman dengan menarik dan kreatif sekali berdasarkan kedua-dua puisi seperti yang telah dibincangkan.

ANTISIPASI

Antisipasi yang berasal dari bahasa Latin ‘anticipatio’ membawa erti ‘mendahului’ iaitu seperti ‘penetapan’ yang mendahului sesuatu peristiwa atau kerja. Dengan kata lain, gaya bahasa ini dihadirkan untuk tujuan menggambarkan bahawa sesuatu peristiwa atau gagasan pasti akan terjadi atau berlaku seperti yang diramalkan (Tarigan 1983: 33). Sebagai contoh mudah ialah ‘Kami berasa amat gembira kerana berpeluang melawat Muzium Negara pada awal minggu hadapan.’ Menurut gaya bahasa antisipasi, lawatan berkenaan akan berlaku seperti ketetapan yang disuarakan. Dengan fahaman tersebutlah Tarigan mengklasifikasikan antisipasi

sebagai satu bentuk gaya bahasa di bawah payung Gaya Bahasa Perbandingan.

Bertolak daripada pemahaman tersebut, kajian ini mendapati Usman menggunakan antisipasi dalam sajak-sajaknya. Analisis sajak “Malam Penghabisan” (1961:37-38), umpamanya, memperlihatkan penggunaan antisipasi yang jelas dan tegas, seperti terserlah dalam bait-bait berikut:

Aku tahu besok kami berpisah
Kawan-kawan sedang lena ketika khemah mulai basah
Malam penghabisan, esok kita ke mana
arus membawa hidup dalam api yang tetap menyala.
...

Malam penghabisan di bawah khemah usang
Bisikan selamat tinggal, bisikan perlahan
Kawan Tionghoa dan India yang memberikan tunjangan
buruh Utusan yang sedar bangun berjuang.

Tidur dan mimpi penghabisan
esok hidup baru kita mulakan.

Untuk memahami sajak ini, adalah perlu untuk diketahui latar belakang penghasilannya. Secara khusus ia merujuk kepada mogok yang diadakan oleh para wartawan *Utusan Melayu* yang merasakan kebebasan mereka selaku wartawan dikongkong oleh pihak berkuasa. Mogok 1961 itu adalah pernyataan ketidakpuasan para wartawan *Utusan Melayu* yang mahu mempertahankan dan seterusnya mengembalikan kebebasan bersuara mereka. Mogok berkenaan berlangsung selama seratus hari dan sajak ‘Malam Penghabisan’ dinukilkan untuk merujuk pada malam terakhir mogok berkenaan.

Sesuai dengan fungsinya untuk ‘mendahului’ sesuatu sebelum ia berlaku, penggunaan antisipasi dalam sajak ini diusahakan sedemikian rupa supaya antisipasi yang bakal digunakan itu dapat memainkan peranan secara tepat dan lebih penting lagi, secara berkesan. Manipulasi ini dihasilkan oleh Usman dengan mengisahkan malam penghabisan tersebut apabila berakhirnya mogok dan perhimpunan mogok akan bubar, yang semuanya digambarkan secara konkrit melalui khemah yang basah, para mogok yang tidur lena dan juga bisikan perpisahan. Dalam konteks sajak ini, penstrukturan sedemikian dilihat sebagai satu persediaan iaitu membangunkan sajak supaya menjurus kepada titik tertentu iaitu titik strategik yang akan memuatkan antisipasi iaitu ‘esok hidup baru kita mulakan.’ Dengan cara ini antisipasi yang dimanfaatkan secara terancang itu dapat muncul sebagai klimaks, dengan segala kekuatan yang sering dikaitkan dengan kedudukan klimaks. Justeru, antisipasi ‘esok hidup baru kita mulakan’ sekali gus merupakan kemuncak perjuangan yang

direalisasikan secara konkrit melalui mogok 100 hari itu. Serentak dengan itu ia membawa harapan kepada satu masa depan yang lebih baik, yang diyakini akan terlaksana, sesuai dengan sifat antisipasi itu sendiri seperti yang ditakrifkan oleh Tarigan.

Antisipasi juga dimanfaatkan oleh Usman dalam “Pak Utih 2” (1974:78-82), dan manipulasinya dalam sajak tersebut turut menghasilkan kesan yang tertentu. Sajak ini, terutamanya sajak Pak Utih 1, melakarkan kisah derita Pak Utih seorang petani miskin yang sentiasa berdoa dan mengharapkan perubahan hidup yang lebih baik. Dengan memanfaatkan sifat antisipasi yang ‘mendahului’, Usman mampu memberi gambaran kepada harapan Pak Utih tersebut, seperti yang dilihat pada bait-bait di bawah ini:

...
Pak Utih punya sepuluh cucu
Ditimangnya tiap pagi
Dinyanyikannya lagu:
timang tinggi-tinggi
dapur tak berasap
bila besar nanti
duduk dalam lokap.

Merujuk kepada inti pati sajak ini, penggunaan antisipasi memungkinkan Usman untuk mengemukakan senario getir bagi keturunan Pak Utih pada masa mendatang. Ternyata harapan Pak Utih tidak akan kesampaian. Hal ini secara tuntas dikejapkan oleh Usman dengan antisipasi ‘duduk dalam lokap’ tersebut, dan diperkukuhkan oleh sifat antisipasi itu sendiri yang mampu ‘mendahului’ serta ‘memastikan’ akan berlakunya apa yang diantisipasi itu. Justeru, dalam konteks sajak ini, antisipasi yang dimanfaatkan itu memperluaskan realiti kisah hidup Pak Utih hingga mencakupi cucunya, yang sekali gus melambangkan keturunannya. Hal ini menunjukkan dengan jelas betapa manipulasi antisipasi dalam sajak ini hadir bukan sahaja sebagai pemberitahuan perkara yang akan berlaku, tetapi lebih penting lagi, ia menyimpulkan dengan jitu keadaan sebenar negara ini melalui nasib malang Pak Utih yang tidak mungkin berubah, malah akan lebih buruk lagi apabila keturunannya terjebak dalam kancap jenayah. Ternyata, antisipasi dalam sajak tersebut kini telah berubah wajah apabila memperluaskan bentuknya untuk muncul sebagai satu sindiran yang tajam pula, iaitu sindiran terhadap pemimpin-pemimpin negara yang membiarkan nasib malang Pak Utih berterusan tidak terbela. Ternyata, sajak ini telah diperkaya dengan pemanfaatan antisipasi ini.

Merujuk kepada struktur sajak pula, Usman telah memanfaatkan khazanah tradisi Melayu, secara khusus puisi tradisionalnya. Bagi orang Melayu “timbang tinggi tinggi/ sampai cucur atap/ belum tumbuh gigi/ sudah pandai baca kitab” merupakan dodoi terkenal yang didendangkan untuk menidurkan anak kecil. Isian mesejnya sangat positif dan sesuai didengarkan kepada anak-anak yang sedang membesar. Situasi Pak Utih serupa; dia mendodoikan cucunya. Namun isian dodoinya jauh berbeza kerana nasib cucu-cucunya bakal celaka. Dengan memanfaatkan bentuk dodoi yang begitu intim dengan masyarakat Melayu, Usman menarik perhatian khalayak pembaca dan pendengarnya kepada kontras isian mesej kedua-dua dodoi tersebut, sekali gus menyimpulkan nasib orang Melayu yang semakin buruk dengan perjalanan masa iaitu daripada kecerdikan (dulu) kepada penjenayahan (kini).

Penggunaan antisipasi dalam analisis dua sajak tersebut menunjukkan luasnya potensi gaya bahasa ini, yang terus dimanfaatkan sepenuhnya oleh Usman untuk memperkayakan sajaknya dari sudut isi dan juga bentuk.

KESIMPULAN

Walaupun kajian tentang kepenyairan Usman agak lumayan dihasilkan, namun ternyata kajian yang sedia ada lebih banyak tertumpu kepada tema sajak-sajak beliau yang memang rencam sifatnya dan luas cakupannya. Perihal bahasa yang digunakan oleh Usman untuk mengungkapkan tema-tema tersebut ternyata kurang mendapat perhatian, lebih-lebih lagi kajian yang bersifat sistematik, berkaedah dan terfokus. Hal ini meninggalkan lompong yang ketara dalam pengajian karya seorang tokoh yang telah pun diiktiraf oleh negara dan dinobatkan sebagai Sasterawan Negara. Dalam konteks inilah, dan sebagai memenuhi lompong yang ada, kajian ini telah diusahakan.

Secara khusus, kajian ini menganalisis gaya bahasa perbandingan dalam puisi Usman. Perbincangan dalam makalah telah menggunakan kerangka analisis Model Gaya Bahasa oleh Tarigan, yang menyenaraikan empat kategori di bawah payung Gaya Bahasa Perbandingan iaitu perumpamaan, metafora, personifikasi dan antisipasi. Kerangka ini menegaskan keempat-empat kategori ini merupakan alat-alat sastera penting, sementara manipulasinya memberi kesan tertentu kepada karya yang terhasil.

Berdasarkan kerangka tersebut, kajian ini mendapati Usman menggunakan keempat-empat bentuk gaya bahasa berkenaan, yang seterusnya dimanipulasi dengan caranya yang tersendiri. Bersabit bentuk-bentuk tersebut, analisis menunjukkan Usman sering memanfaatkan persekitaran sekeliling sebagai batu bata sajaknya. Justeru, analisis menemukan Quran (Gadis dan Ayat Suci), emas (Gadis di Kuburan), bunga kemboja (Ke Makam Bonda), payang, matahari, laut (Kuala Sedili), khemah basah dan usang (Malam Penghabisan), kereta (Penjual Air Batu), kamar, (Perempuan Malang) dan sebagainya. Penggunaan persekitaran ini memberi nilai tambahan kepada sajak Usman kerana ia membekalkan rasa kedekatan atau *sense of immediacy* kepada khalayak pembaca. Tegasnya, sajak-sajak Usman berhadapan dengan pembaca bukan sebagai sesuatu yang asing dan di luar pengalaman mereka tetapi sebaliknya sebagai sebahagian kehidupan yang mereka kenali dan mungkin juga yang mereka sendiri lalui.

Bersabit gaya bahasa perumpamaan, analisis menemukan penggunaan perumpamaan yang sedia ada dan diketahui oleh masyarakat Melayu, dengan itu memudahkan pemahaman dan penghayatan. Lebih penting lagi, analisis menemukan perumpamaan yang serba baharu, yang dihasilkan oleh Usman menerusi manipulasi bahasa seperti menjodohkan perkataan atau ayat secara sesuai dan bertepatan dengan konteks yang dibangunkan seperti “emas sesaga” (Gadis di Kuburan). Hal ini memperkayakan karya Usman kerana sajaknya kini dibekalkan dengan bahasa yang sekali gus memperlihatkan kelainan dan oleh itu segar dan bertenaga, tetapi tetap dapat difahami kerana ditempatkan dalam konteks yang sesuai, dan mengandungi makna tambahan yang dibawa oleh kelainan dan kebaruannya itu.

Begitu juga, analisis menemukan penggunaan metafora yang dimanipulasi oleh Usman secara berkesan apabila beliau memilih bahasa biasa, dan dengan sengaja menempatkannya dalam medan dan konteks baharu supaya bahasa biasa tersebut dapat secara serentak menggugurkan makna lumrahnya sambil menyerap makna dan asosiasi baru daripada penempatannya yang jauh berbeza daripada kebiasaannya. Manipulasi sedemikian, seperti yang dicontohkan oleh “hidup telanjang,” menambah keupayaan metafora yang dijelmakan itu untuk mengungkap dan memperluaskan maknanya, dengan itu memperkayakan sajak dengan makna-makna baru seiring dengan impak baru yang terhasil.

Usman juga menggunakan personifikasi secara meluas, terkadang menghadirkan personifikasi

ciptaannya sebagai fokus dan pembawa makna utama dan dominan dalam sajaknya. Manipulasi personifikasi seperti ini, seperti yang terdapat pada kemboja dalam “Ke Makam Bonda,” mengalihkan tanggungjawab membikin makna, membina suasana dan menyampaikan mesej sepenuhnya kepada sebuah objek seperti sekuntum bunga, lebih-lebih lagi tatkala fokus sajak yang sebenarnya iaitu bonda sudah tidak mampu bersuara kerana sudah mati. Manipulasi-manipulasi seperti ini membolehkan Usman untuk memperluaskan cakupan tema dan permasalahannya kerana mampu menembusi daerah atau isu yang sukar diperkatakan, terlarang, sensitif atau tabu sama sekali, yang kesemuanya ditangani secara berhemah.

Bagi antisipasi pula, analisis menunjukkan bahawa Usman jelas memahami potensi gaya bahasa ini, secara khusus sifat “mendahuluinya.” Usman memanfaatkan keupayaan antisipasi tersebut untuk meluaskan jangkauan sajaknya apabila masa dan situasi kini yang sedang ditangani sengaja dilampauinya untuk tujuan menggapai masa mendatang. Manipulasi Usman ini memperkembangkan liputan realitinya secara keseluruhan apabila realiti masa depan dijadikan sebahagian realiti masa kini yang sedang digambarkan. Lebih berkesan sebagai manipulasi yang terancang, sifat antisipasi yang menjanjikan pastinya berlaku apa yang “didahuluinya” itu dijadikan oleh Usman sebagai *punch line* atau penyata tepu mesejnya, dengan itu memperhebatkan lagi pukulan dan sengatan sajak-sajaknya itu.

Selain manipulasi bahasa, analisis juga mendapati kecenderungan Usman terhadap warisan dan tradisi. Sajak-sajaknya diperkaya dengan rentak dan irama puisi tradisional, pepatah petiti di ketengahkan dalam konteks baru, adat resam diberi takrifan yang peka terhadap masa dan tuntutan kini. Ternyata Usman tidak membelakangkan tradisinya tetapi membawanya bersama sebagai khazanah yang berharga, dan dimanfaatkan dengan bangga serta disesuaikan di mana perlu. Gendungan tradisi ini tidak dapat tiada memberi nilai tambahan kepada sajak-sajak yang moden sifatnya.

Berbeza daripada kajian-kajian tentang Usman yang lebih tertumpu kepada aspek tema sajak-sajaknya, kajian ini telah meneroka daerah baru dalam pengajian kepenyairan Sasterawan Negara ini. Dengan memberi fokus kepada gaya bahasa perbandingan, dan mengkajinya secara sistematik dan berkaedah, kajian ini dapat memperlihatkan keahlian Usman dalam menggarap, mengungkap

dan menyampaikan sajak-sajaknya. Melalui analisis penggunaan perumpamaan, metafora, personifikasi dan antisipasi, analisis telah menyerlahkan kekuatan sajak-sajak Usman dengan hujah-hujah jitu, yang seterusnya diperkukuhkan dengan bukti-bukti dalaman sajak-sajak beliau. Adalah diharapkan kajian ini bukan sahaja memberi kecerahan terhadap aspek bahasa Usman tetapi telah menjantik minat dan seterusnya membantu memperbanyakkan kajian tentang kepenyairan Usman dari sisi kebahasaannya.

RUJUKAN

- Abang Patdeli Abang Muhi. 2018. Akal Budi Dalam Peribahasa Melayu Sarawak. *Jurnal Peradaban Melayu* 13: 28-41
- Amida Abdulhamid. 2006. *Prosiding Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminuddin Mansor. 2013. Patriotisme dalam puisi Usman Awang. *Mingguan Malaysia*, 1 September: 22.
- Anwar Ridhwan. 2004. *Usman Awang Yang Saya Kenali*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Asy-Syeikh ‘Ali bin’ Abdul Rahman Al-Kalantani. 2016. *Permata Pemberian Yang Indah dan Menjaga Segala Hati Yang Lalai*. Batu Caves Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Azman Rahmat. 2016. Pejuang kemanusiaan: satu wacana tentang ketekalan tema kemanusiaan dalam puisi-puisi Usman Awang. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaran Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berelson, B. 1952. *Content Analysis in Communication Research by Bernard Berelson*. New York: New York Hafner Press.
- Dharmawijaya. 1998. *Dunia Puisi dalam Penelitian dan Pengajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Dinie Asyraf Salehan, Omrah Hassan @ Hussin & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2018. Metafora konsep manusia ialah haiwan dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan metafora haiwan kesayangan. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(3): 17-27.
- Dinsman. 1995. *Koleksi Terpilih Sasterawan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. 1997. *Kritikan Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim. 2012. Hati budi Melayu: kajian keperibadian sosial Melayu ke arah penjanaan Melayu gemilang. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12(1): 163-182.
- Henry Guntur Tarigan 1983. *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Angkasa.
- Henry Guntur Tarigan. 1985. *Prinsip-prinsip Dasar Sastera*. Bandung: Angkasa.

- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1983. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad. 2019. Eko-Kritik dalam puisi Melayu. *Akademika* 89(Isu Khas): 29-39.
- Mohd Thani Ahmad, Sarah Sadon & Suhaimi Haji Muhammad. 1988. *Wajah: Biografi Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. 1988. *Pengenalan Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. 1997. *Sastera dan Kemanusiaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nirwana Sudirman, Zulkifley Hamid, Masitah Mad Daud & Nik Zulaiha Zakaria. 2017. Metafora konsepsi dan skema imej sebagai cerminan pemikiran dan kehidupan orang Melayu. *e-Bangi (Journal of Social Sciences and Humanities)* 12(3): 1-17.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2020. Objek dalam metafora dan akal budi Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 13(2): 199-222.
- Rahman Shaari. 2013. Gaya dan puisi Usman Awang. *Mingguan Malaysia*, 15 September: 10.
- Rahman Shaari. 2015. Anjakan makna puisi Usman Awang. *Mingguan Malaysia*, 11 Oktober: 34.
- Rosliah Kiting, Minah Sintian, Patricia Ganing, Julita Norjietta Taisin, Saripah Banseng. 2022. Manifestasi kesantunan bahasa dalam puisi tradisional etnik Dusun. *Jurnal Peradaban Melayu* 1(17): 19-26.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. 2019. Kebitaraan peribahasa Melayu dalam komunikasi. *Akademika* 89(Isu Khas/Special Issue): 139-149.
- Situmorang, B.P. 1981. *Puisi Teori Apreasiasi Bentuk dan Struktur*. Medan: Penerbit Nusa Indah-Pencetakan Arnoldus.
- Stoddard, L. 1966. *Dunia Baru Islam*. Jogjakarta: Perpustakaan Islam Jogjakarta.
- Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran-Ho Abdullah. 2017. Kehidupan adalah perjalanan: analisis metafora konseptual dalam *Salina* dan *La Vie Devant Soi*. *Akademika* 87(1): 189-205.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (terj: Syeikh Abdullah Basmeih). 2000. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Usman Awang & A. Samad Said. 1963. *Tema dan Tugas Sastera Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Penerbitan Federal.
- Usman Awang. 1982. *Salam Benua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman Awang. 1992. *Tulang-tulang Berserakan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan. 1990. *Sasterawan Negara Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muharam Awang
 Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi, Selangor
 Email: irmyzah78@gmail.com
- Zubir Idris (Penulis Koresponden)
 Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi, Selangor
 Email: zidris@ukm.edu.my